PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN
(BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)
KOTA BHARU

BAHG. PENG. SUMBER MANUSIA
TERIMA
07 AUG 2017
SUK KELANTAN

MEMO

Kepada	*Sebagaimana Edaran*
Daripada	Penolong Pengarah (Latihan & Kompetensi)
Rujukan	SUK.D 200 (06) 423 / 23 Jld.30 (01)
Tarikh	14 Zulkaedah 1438H / 07 Ogos 2017M

Tuan,

PEMBAYARAN ELAUN KEPADA PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI YANG MENGIKUTI LATIHAN INDUSTRI DI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN.

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara yang tersebut diatas.

2. Sukacita dimaklumkan, bahawa Minit Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali ke 13/2017 yang bersidang pada 21 Jun 2017 telah bersetuju meluluskan Pembayaran elaun kepada Pelajar Institut Pengajian Tinggi yang mengikuti Latihan Industri di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan iaitu **sebanyak RM15.00 sehari sehari terhad kepada maksimum tiga (3) bulan** sahaja bagi sepanjang tempoh latihan industri/praktikal di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan berkuatkuasa mulai **01 Julai 2017**.

3. Sehubungan dengan itu pihak tuan dipohon untuk menyediakan dokumen berkaitan dan dikemukakan ke Unit Latihan & Kompetensi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia **tidak lewat daripada 05 haribulan dalam bulan** berikutnya bagi tujuan pembayaran elaun kepada pelajar Latihan Industri. Dokumen yang diperlukan adalah sebagaimana berikut :

3.1 **Kenyataan Kehadiran Pelajar Praktikal (sebagaimana contoh di Lampiran A)**
3.2 **Salinan Memo / Surat Penempatan Pelajar Latihan Industri**
3.2 **Salinan Kad Pengenalan pelajar**
3.3 **Salinan Kad Perakam Waktu**
3.4 **Salinan 'Statement Bank'**
3.5 **Senarai Tugas Pelajar**

(Semua dokumen di atas hendaklah disahkan oleh Penyelia Pelajar [Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 41 ke atas])

4. Kerjasama tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih jua.

Sekian, terima kasih.

(NOR RUSAHIDA BT IBRAHIM)

TINDAKAN
KPP (PSM)
(PEMBANGUNAN ...)
PP (LATIHAN ...)
PP (PE...)
PP (P...)
PEGAWAI ...
PP (...)
PP (...)
PP (TE...)
...
...
NOTA

Sila urus Sebaikan Surat ini kepada KPP(PSM) EO(P)

Sila urus surat pelajar praktikal untuk tindakan